



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS PEMBERIAN SUMBANGAN CSR DAN PENYERAHAN KERJA UNTUK PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN - 1MALAYSIA DI BAYVIEW COURT FASA 1D, SERI SENTOSA, KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 9 Mac 2013 – YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Majlis Pemberian Sumbangan CSR dan Penyerahan Kerja di bawah Program Tabung Penyelenggaraan - 1Malaysia (TP-1Malaysia) di Bayview Court, Fasa 1D, Seri Sentosa, Kuala Lumpur.

2. Penubuhan TP-1Malaysia ini adalah medium untuk membantu masyarakat dari segi penyelenggaraan iaitu **penyelenggaraan atau baik pulih lif, penyelenggaraan tangga, penyelenggaraan bumbung, mengecat bangunan, membaiki kerosakan yang membahayakan penghuni dan kerosakan lain** yang diputuskan wajar untuk diselenggarakan bagi perumahan kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta.

3. Pada majlis ini sebanyak 3 JMB/MC akan menerima **sebahagian daripada sumbangan 10% yang perlu mereka sediakan daripada dana CSR oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang berjumlah keseluruhan RM70,200.00**. Dana CSR ini adalah sumbangan oleh syarikat korporat pada awal penubuhan TP-1Malaysia dahulu. Inisiatif CSR oleh KWPKB dan Yayasan Wilayah Persekutuan ini merupakan salah satu daripada pendekatan yang diambil bagi membantu penduduk kawasan perumahan kos sederhana rendah swasta dan kos rendah swasta untuk menceriakan dan mengindahkan lagi kawasan kediaman mereka ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dan sejahtera. JMB/MC yang menerima peruntukan daripada dana CSR tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Selain itu, sebagaimana yang telah dijanjikan oleh pihak Kerajaan sebelum ini bahawa jika harga kontrak yang ditawarkan oleh pihak kontraktor yang layak adalah

rendah dari anggaran kos maka lebih dari sumbangan MC/JMB/PP akan dipulangkan atau dibayar balik kepada MC/JMB/PP. Jika **harga yang ditawarkan adalah lebih tinggi daripada anggaran kos, pihak Kerajaan melalui tabung TP-1Malaysia akan menanggung sepenuhnya lebih kos projek penyelenggaraan.** Oleh itu sejumlah 18 MC/JMB/PP yang sedang dan telah siap dilaksanakan projek TP-1Malaysia akan turut **menerima bayaran balik lebih daripada sumbangan mereka.** (Rujuk Lampiran B)

5. YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin turut menyempurnakan **penyerahan kerja kepada kontraktor-kontraktor yang telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja mengecat dan penyelenggaraan di bawah Program TP – 1Malaysia** di beberapa kawasan perumahan kos sederhana rendah swasta dan kos rendah swasta di sekitar Kuala Lumpur. (Rujuk Lampiran C)

6. Dalam majlis ini, beliau turut **menyampaikan sumbangan wang tunai RM100.00 setiap seorang kepada 10 orang warga Wilayah Persekutuan** yang terdiri daripada golongan warga emas, ibu tunggal dan OKU dari Bayview Court Fasa 1D, Seri Sentosa. Beliau turut mengadakan ***Walkabout* dan meninjau kerja-kerja mengecat dan penyelenggaraan** di kawasan tersebut.

7. Adalah diharapkan dengan kewujudan TP-1Malaysia ini dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat di bandar-bandar seluruh Malaysia khususnya bandaraya Kuala Lumpur dalam menjadikan suasana bandar lebih ceria, bersih, dan indah.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

9 Mac 2013

Kuala Lumpur

LAMPIRAN A**SENARAI MC/JMB/PERSATUAN PENDUDUK YANG MENERIMA CSR**

Bil.	Nama MC/JMB/PP	Anggaran Kos (RM)	Sumbangan CSR (RM)
1.	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Blok 8 & 10, Taman Bukit Cheras	539,000.00	30,000.00
2.	Perbadanan Pengurusan Apartment Baiduri	1,049,000.00	15,000.00
3.	Perbadanan Pengurusan Sri Puncak, Seksyen 10	462,000.00	25,200.00
JUMLAH			70,200.00

SENARAI MC/JMB/PERSATUAN PENDUDUK YANG MENERIMA BAYARAN BALIK
LEBIHAN SUMBANGAN

Bil.	Nama MC/JMB/PP	Jumlah Lebihan Sumbangan (RM)
1.	Rumah Pangsa Mutiara Magna	1,351.00
2.	Pangsapuri Seri Malaysia	24,547.97
3.	Pangsapuri Segar Ria	3,801.00
4.	Flat Sri Kayangan	4,232.80
5.	Flat Sri Mercu	4,786.00
6.	Flat Taman Sri Endah	11,061.20
7.	Apartment Bukit Sri Bintang	8,393.10
8.	Pangsapuri Bukit Keramat	9,280.00
9.	Pangsapuri Sri Penara	43,940.00
10.	Tong Soon Mansion	712.00
11.	MC Kompleks Lucky Garden	2,500.00
12.	Apartment Ceupacs	1,657.00
13.	Apartment Langkawi	1,800.00
14.	Apartment Connaught	51,600.00
15.	Sentul Park, Blok 8A & 8B	13,260.00
16.	Megah Court Apartment	12,780.00
17.	Apartment Pinang Fasa 1A Sri Sentosa	20,395.00
18.	Taman Sri Sentosa, Fasa AC4	47,520.00
JUMLAH		263,617.07

LAMPIRAN C**PENYERAHAN KERJA KEPADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR**

BIL	PERKARA/ PROJEK	KONTRAKTOR
1	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Permukaan Dinding Luar Flat Sri Penara Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok A, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur	WIDURI MERAH ENTERPRISE
2	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Permukaan Dinding Luar Flat Sri Penara Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok B, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur	GLOBAL VIEW CONSTRUCTION & TRADING SDN BHD
3	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Permukaan Dinding Luar Flat Sri Penara Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok C, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur	BIN YUSOFF RESOURCES
4	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Permukaan Dinding Luar Flat Sri Penara Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Blok D, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur	DEENA SYSTEM SDN BHD
5	Cadangan Kerja-Kerja Baik Pulih Dan Menaiktaraf Satu (1) Unit Lif Di Apartment Langkawi Bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia	POTENSI TERUS INDUSTRIES
6	Cadangan Kerja-Kerja Baik Pulih Dan Menaiktaraf Tiga (3) Unit Lif Di Apartment Bukit Sri Bintang Bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia	BAKAT GEMILANG SDN BHD
7	Cadangan Kerja-Kerja Baik Pulih Dan Menaiktaraf Empat (4) Unit Lif Di Pangsapuri Pantai Indah Fasa 2 Bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia	RANI-MS ENGINEERING SDN BHD
8	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Semula Blok 50 & 52 Bayview Court Fasa 1D, Lembah Pantai, Kuala Lumpur	MOSHA BINA ENTERPRISE
9	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Semula Blok 54 & 56 Bayview Court Fasa 1D, Lembah Pantai, Kuala Lumpur	SINFAR BINA ENTERPRISE